



# **KONVENSYEN DEWAN HIMPUNAN PENYOKONG PAS KALI PERTAMA**

**UCAPTAMA  
KETUA DEWAN HIMPUNAN  
PENYOKONG PAS PUSAT**

**TEMA  
MEMIMPIN PERPADUAN**

## **PENDAHULUAN**

Yang Dihormati Pengerusi Majlis,  
Yang Dikasihi Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, Presiden PAS  
Yang Dikasihi Seluruh Barisan Pimpinan PAS Pusat,  
Yang Dikasihi YAB Dr Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu  
Yang Dikasihi Timbalan dan Naib-Naib Ketua DHPP Pusat  
Yang Dikasihi Ketua Pemuda dan Wanita DHPP Pusat  
Yang Dikasihi Jawatankuasa Kerja DHPP Pusat  
Yang Dikasihi Ketua DHPP Negeri-Negeri  
Yang Dihormati Para Perwakilan DHPP daripada seluruh Negara  
Yang Dihormati seluruh para tetamu dan pemerhati.

1. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua para perwakilan dan tetamu yang datang dari seluruh pelusuk tanahair tercinta dan luar negeri. Sesungguhnya kehadiran tuan-puan sekalian, akan memeriahkan konvensyen kita, menyuntik semangat dan merapatkan saf angkatan perjuangan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) di semua peringkat.
2. Saya ingin melahirkan rasa syukur kerana pada hari yang bersejarah ini akhirnya DHPP berjaya mengadakan Konvensyen buat julung-julung kalinya setelah tertangguh sekian lama yang disebabkan pelbagai perkara yang tidak dapat dielakkan.
3. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kepimpinan PAS Pusat terutamanya Pejabat Setiausaha Agung PAS yang banyak membantu merealisasikan konvensyen ini. Saya selaku Ketua DHPP sememangnya mengharapkan bantuan daripada badan induk PAS untuk menggerakkan DHPP dan kami akan terus berusaha untuk memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran organisasi DHPP dari semasa ke semasa.
4. Lebih menarik, ianya diadakan di Negeri Terengganu Darul Iman yang kembali dikuasai pemerintahannya oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU14) yang lalu. Sudah tentu kejayaan ini melambangkan satu komitmen yang tidak berbelah bagi di kalangan pemimpin dan ahli serta penyokong PAS yang terus berkerja keras untuk memenangi PRU yang lalu setelah PAS tewas di Terengganu pada tahun 2004.

## **SEJARAH PENUBUHAN DHPP**

Para perwakilan yang dihormati,

5. Kita menyedari bahawa PAS adalah merupakan sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan namun ia menolak perjuangan yang berteraskan perkauman malah memberikan keadilan kepada semua masyarakat.
6. PAS telahpun mengorak langkah untuk mendekati masyarakat bukan Islam sejak dari awal penubuhannya iaitu dengan perbincangan mengenai kewajaran PAS menerima keanggotaan bukan Islam pada tahun 1956 manakala Timbalan Yang Di Pertua Agung PAS iaitu Prof Zulkefli Muhammad pernah melontarkan cadangan supaya masyarakat bukan Islam diterima sebagai Ahli Bersekutu.
7. Kekangan yang dihadapi PAS dalam suasana politik yang tidak mengizinkan PAS meneruskan hasrat mendekati masyarakat bukan Islam mula terungkai apabila Muktamar PAS Pusat kali yang ke 27 yang diadakan pada tahun 1981 telah memutuskan satu resolusi agar PAS mendekati masyarakat bukan Islam melalui strategi dakwah dan politik.

8. PAS telah menubuhkan Chinese Consultative Council (CCC) pada tahun 1985 bagi memecah tembok perkauman yang selama ini menghalang suara Parti Islam ini menjangkau kepada masyarakat selain daripada orang-orang Melayu. Kewujudan CCC tidak dapat bertahan lama di dalam PAS khususnya selepas PRU tahun 1986. Namun dengan keberanian PAS mewujudkan CCC telah berjaya membawa PAS berinteraksi bersama masyarakat Cina di Malaysia sehingga ada di kalangan pimpinan PAS berpeluang untuk menyampaikan mesej perjuangan di dalam premis seperti Tokong dan Dewan Perniagaan Cina.
9. Pergolakan politik di Malaysia pada tahun 1998 telah memberi ruang kepada PAS untuk mendekati masyarakat bukan Islam. PAS telah mengambil langkah yang serius dengan menubuhkan Jabatan Antara Budaya yang akhirnya dinaik taraf sebagai Lajnah Perpaduan Nasional.
10. PAS lebih bersungguh melaksanakan pendekatan terhadap masyarakat Islam apabila berlakunya perpecahan di dalam Barisan Alternatif (BA) tatkala DAP membuat keputusan meninggalkan gabungan politik yang juga melibatkan PKR. Tindakan DAP ini merangsang PAS untuk menubuhkan Kelab Penyokong PAS (KPP) pada 11 Mac 2004. Ia dilihat sebagai pasca kepada CCC yang ditubuhkan pada tahun 1985 dan diharapkan dapat menjadi wahana penting meneruskan kesinambungan menggapai dan mencapai sokongan bukan Melayu.
11. Kewujudan KPP pada peringkat awalnya dianggotai oleh masyarakat Cina khususnya yang menetap di Kelantan. KPP berjaya diperluaskan kepada masyarakat kaum India pada tahun 2005, disusuli dengan masyarakat Iban (2006) dan masyarakat Siam (2007).
12. Pada 11 Sept 2007, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Mursyidul Am PAS telah melancarkan logo dan slogan "PAS For All atau PAS Untuk Semua" di Pejabat Agung PAS Jalan Raja Laut dengan satu harapan bahawa slogan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk komitmen PAS kepada Perpaduan Nasional di dalam negara ini. Slogan "PAS For All" terus sinonim di dalam perjuangan PAS sehingga ia dijadikan tema Ucapan Dasar Presiden PAS di dalam Muktamar PAS Pusat pada tahun 2008 di Ipoh.
13. KPP telah berjaya mengadakan sebanyak dua kali konvensyen iaitu kali pertamanya pada bulan Disember 2007 di Pulau Pinang dengan tema "Kerajaan Berkeadilan Untuk Semua" dan kali keduanya pada bulan Mei 2009 di Kompleks Pejabat Tanah Klang dengan tema "Stay United, Brave the Challenges"
14. KPP juga telah mencatatkan satu sejarah baharu kepada perkembangan politik PAS apabila PAS telah meletakkan seorang calon daripada bukan Islam di dalam PRU12 dengan membenarkan Ketua Wanita KPP cik Kumutha a/p Raman menjadi calon dan bertanding di DUN Tiram, Johor. Keyakinan PAS terhadap kemampuan DHPP bertanding di dalam PRU menyaksikan DHPP telah menghantar seramai tiga calon Parlimen dan sembilan calon DUN pada PRU ke 14 yang lalu. Ini adalah merupakan satu pengiktirafan yang sangat tinggi kepada kita sejak kewujudan KPP dan DHPP.

Para perwakilan sekalian,

15. Kita juga tidak menafikan bahawa Lajnah Perpaduan Nasional (LPN) telah berperanan besar dalam membangunkan KPP sehingga dinaiktaraf sebagai DHPP. LPN telah diberikan tanggungjawab untuk membantu menghidupkan aktiviti dan pergerakan KPP pada peringkat awalnya sehingga ke satu peringkat KPP mampu berdikari. Keanggotaan KPP yang telah mencecah lebih 20,000 ahli menyebabkan PAS Pusat telah mengarahkan LPN untuk membuat cadangan dan LPN telah

membentang satu kertas kerja bertajuk "Keahlian Bukan Islam dalam Organisasi PAS" yang mana kertas ini telah dibentangkan dalam retreat PAS Pusat di Langkawi bulan Disember 2008.

16. Antara cadangan yang dikemukakan adalah berkaitan masyarakat bukan Islam menjadi ahli PAS, mengekalkan entiti KPP yang ada sekarang atau menubuhkan Dewan sebagai sayap baru parti untuk keahlian bukan Islam. Kesemua pilihan ini dibahaskan dan parti menerima secara dasar cadangan-cadangan LPN.
17. Sehubungan dengan itu, PAS Pusat telah membuat keputusan menubuhkan jawatankuasa teknikal yang diketuai oleh Ustaz Hassan bin Shukri untuk menggubal satu peraturan KPP untuk dinaiktaraf sebagai Dewan dan ia kini dikenali sebagai Aturan dan Peraturan DHPP. Aturan dan Peraturan DHPP mendapat pengiktirafan PAS Pusat dengan kuasa 26 (9) (g) dan (h) Perlembagaan PAS melalui keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 10 Januari 2010. DHPP akhirnya telah dilancarkan oleh Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi bin Awang pada 23 Mei 2010 di Dewan Sebagai Pejabat Tanah dan Daerah Klang, Selangor. Di dalam ucapannya, Presiden PAS menyatakan bahawa dengan penubuhan DHPP membuktikan PAS sedang menyatupadukan semua kaum di Malaysia.

*"PAS cuba menyatupadukan seluruh kaum di negara ini dengan membuka pintu kepada orang bukan Islam menyertai PAS. Ini terbukti apabila Kelab Penyokong PAS dinaiktaraf sebagai Dewan Himpunan Penyokong PAS"*

Para perwakilan yang saya kasihi sekalian,

18. Apa yang saya nyatakan ini hanya secebis daripada kisah perjuangan PAS dalam mendekatkan perjuangannya dengan masyarakat bukan Islam. Walaupun ditohmah, difitnah dan dicaci oleh pelbagai pihak namun PAS berjaya mengharungi cabaran tersebut dan kini kita adalah yang terpilih di antara jutaan masyarakat bukan Islam untuk berjuang bersama PAS di atas nama DHPP. Mungkin kita tidak pernah termimpi akan berada di sini tetapi percayalah bahawa kehadiran kita di sini adalah ketentuan daripada Tuhan untuk kita menegakkan keadilan untuk semua.

### **MEMIMPIN PERPADUAN**

19. Tema Konvensyen DHPP kali Pertama ini adalah **Memimpin Perpaduan**. Tema ini menggambarkan kepada kita betapa besarnya peranan kita dalam proses menyatupadukan semua kaum di dalam negara yang kita tercinta ini.
20. PAS meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya. Islam mengajar supaya mesti berlaku adil kepada semua tidak mengira kaum dan agama. Di dalam Al-Quran ada menyebut bahawa jangan kerana kebencian kamu kepada sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana adil itu mendekatkan kamu kepada taqwa. Inilah yang dipraktikkan oleh kepimpinan dan ahli PAS.
21. DHPP perlu memastikan bahawa peranannya untuk memimpin perpaduan kaum dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif. Bukanlah satu perkara yang mudah untuk semua kaum di dalam sesebuah negara saling berkerjasama atau erti kata yang lain berganding bahu untuk membentuk negara yang makmur dan damai namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Apa yang penting adalah kesungguhan dan keikhlasan kita untuk bergerak bagi mencapai apa yang diimpikan.

22. Kita perlu membina perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum kerana ia merupakan perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan yang sebenar. Penerapan sikap benci-membenci yang diterapkan oleh sesetengah anggota masyarakat tidak membantu pengukuhan perpaduan kaum malah ia akan menyebabkan hubungan kaum akan menjadi tegang.

## **AGENDA PERJUANGAN DHPP**

Sidang perwakilan sekalian,

23. Konvensyen DHPP kali pertama ini adalah sangat penting untuk kita menentukan hala tuju perjuangan kita. Lebih-lebih lagi dalam keadaan kita sedang berhadapan dengan kerajaan yang baharu diwujudkan selepas PRU14.
24. Saya menggariskan LAPAN AGENDA perjuangan DHPP yang perlu kita fahami dan hadami dengan sebaiknya.

### **i. Memastikan bahawa kebajikan dan kesejahteraan rakyat terbela.**

PAS adalah sebuah parti yang memberikan keutamaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Melihat kepada pelbagai gerakerja dan aktiviti PAS di semua peringkat membuktikan bahawa PAS sangat mementingkan perkara ini. Kita sebagai sayap perjuangan semestinya mendokong kerja murni ini dengan mempertingkatkan kerja kebajikan kepada masyarakat di kalangan bukan Islam.

### **ii. Mendesak kerajaan Pusat mengurangkan bebanan yang ditanggung rakyat dan mematuhi manifesto seperti yang dijanjikan**

Sebahagian daripada rakyat telah tertipu dengan janji PH melalui manifestonya ketika PRU14 yang lalu. Manifesto yang ditawarkan kepada rakyat cukup menarik sehinggakan ianya dilihat sukar untuk dilaksanakan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Oleh kerana itu, kita mestilah mengerakkan DHPP di semua peringkat supaya mendesak kerajaan Pusat menunaikan janji mereka khususnya untuk mengurangkan bebanan kehidupan yang sedang dihadapi oleh rakyat.

### **iii. Meletakkan rakyat sebagai tumpuan utama, pekerjaan, pelajaran dan sosio-ekonomi**

DHPP mestilah meletakkan rakyat sebagai keutamaan dalam agenda bertindaknya. Ia merangkumi aspek pekerjaan, pelajaran dan sosio ekonomi. Keperitan yang dihadapi oleh rakyat khususnya setelah segala janji yang ditaburkan sebelum ini telah menjerat rakyat dengan janji-janji palsu. Tiada pemansuhan tol, tiada penurunan harga minyak, tiada pemansuhan PTPTN dan pelbagai lagi janji yang tidak ditunaikan.

DHPP mesti memainkan peranannya dalam menjuarai isu rakyat ini. Percayalah bahawa rakyat sedang menunggu langkah dan tindakan kita. Nama DHPP telahpun mula dikenali tetapi tidak cukup dengan hanya itu sahaja kerana kita perlu turun ke bawah atau turun padang melihat sendiri kepayahan rakyat yang berada di di bawah. Kita mesti menyantuni mereka dengan sebaiknya.

#### **iv. Sentiasa Menjaga perpaduan rakyat**

Dalam membina sebuah masyarakat yang hidup harmoni dan bertoleransi, memperkukuhkan perpaduan rakyat adalah merupakan satu keutamaan yang perlu dititikberatkan. Sikap gemar mengadu-domba dan berkata nista serta menyebarkan kepalsuan akan menyebabkan hubungan sesama masyarakat akan retak.

DHPP mestilah berusaha untuk menjauhi sikap seperti ini dan tidak menjadikan ia sebagai amalan yang bakal merosakkan Perpaduan sama ada Perpaduan dalaman organisasi mahupun perpaduan di antara masyarakat.

#### **v. Menambah keahlian DHPP**

Sebagai sebuah organisasi yang tersusun, sudah tentulah kita memerlukan penggerak di semua peringkat. Agenda perjuangan sukar disampaikan kepada massa sekiranya kita mempunyai kekangan dari sudut keanggotaan. Oleh kerana itu, gerakerja menambahkan keahlian mestilah dijadikan agenda dalam DHPP. Saya meletakkan sasaran sekurang-kurangnya keanggotaan DHPP akan bertambah sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah ahli yang sedia ada ketika ini.

#### **vi. Berjuang bersama PAS**

PAS adalah 'bapa' kita di dalam organisasi. Menjadi kemestian kita untuk patuh dan taat dengan arahan PAS. DHPP mestilah berjuang seiringan dengan PAS. PAS menyediakan kita platform untuk berjuang maka jangan kita persiapkan peluang yang diberikan ini.

Walaupun kita tidak nafikan bahawa sokongan di kalangan masyarakat bukan Islam menurun ketika PRU14 namun dengan perkembangan terkini, saya yakin bahawa DHPP dapat memainkan peranan untuk menarik tangan mereka kembali bersama dengan PAS.

DHPP akan berusaha untuk menjadikan Kelantan dan Terengganu contoh terbaik. DHPP bersedia untuk bekerjasama dengan kedua-dua kerajaan negeri yang dipimpin oleh PAS ini bagi menjalankan peranan mendekati masyarakat bukan Islam.

#### **vii. Menyokong pindaan RUU355**

DHPP menyedari bahawa pindaan Rang Undang Undang Syariah atau RUU355 yang telah di bawa ke Parlimen oleh Presiden PAS adalah dengan tujuan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah. Ia tidak ada kena-mengena langsung dengan masyarakat bukan Islam di Malaysia. Propaganda yang menakutkan terhadap perkara ini telah dilakukan oleh musuh PAS sedangkan apa yang disampaikan itu hanyalah tohmahan yang melampau. Hukum sebatan yang dikenakan kepada pesalah lesbian baru-baru ini oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu satu bentuk hukuman oleh ajaran Islam untuk pesalah beragama Islam dan bukannya melibatkan mana-mana penganut agama yang lain.

Justeru DHPP tidak teragak-agak untuk terus konsisten menyokong pindaan ini kerana meyakini bahawa ia akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada masyarakat Islam malah kepada masyarakat bukan Islam.

### viii. Fokus kemenangan PRU 15

DHPP menyedari bahawa keputusan PRU14 yang lalu masih belum mengizinkan PAS dan Gagasan Sejahtera untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Namun keputusan yang dicapai secara keseluruhannya cukup membanggakan kita semua. PAS Berjaya memperolehi sebanyak 1 juta undi dan kembali menguasai negeri Terengganu selain mempertahankan negeri Kelantan.

DHPP mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kepimpinan PAS yang telah memberikan kepercayaan kepada kami dengan meletakkan Tiga orang calon DHPP di peringkat Parlimen dan Sembilan orang calon di peringkat DUN. Ini membuktikan betapa DHPP mempunyai kemampuan untuk berada di persada politik pilihanraya tanahair dan diterima oleh para pengundi walaupun setakat ini belum lagi memenangi mana-mana kerusi yang dipertandingkan.

Fokus DHPP menjurus kepada PRU15 dan DHPP akan terus memperkuatkan jentera untuk memastikan bahawa jentera DHPP di semua peringkat akan membantu PAS dan gabungannya mencapai kemenangan dalam PRU yang akan datang.

### ARAHAN BERTINDAK

Para pimpinan dan para perwakilan sekalian,

25. Menyedari bahawa Agenda Perjuangan DHPP yang telah saya nyatakan tadi, maka di sini digariskan arahan-arahan yang perlu dilaksanakan oleh DHPP di semua peringkat untuk dilaksanakan selepas Konvensyen DHPP kali Pertama ini.

**Pertama**, mengemaskini data keahlian & Jawatankuasa DHPP, menambah Keahlian dan memberikan maklumat dan pengetahuan kepada ahli-ahli tentang perjuangan PAS dan DHPP.

**Kedua**, memperkukuhkan kewangan DHPP dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang mendatangkan sumber pendapatan.

**Ketiga**, mendekatkan DHPP dengan masyarakat dengan memperbanyakkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan melalui mindset "*Malaysia Negara Kita, Rakyat Keluarga Kita*".

**Keempat**, mengadakan program penerangan melalui platform yang betul dan berkesan.

**Kelima**, memberikan komitmen dengan aktiviti PAS di peringkat Cawangan, Kawasan, Negeri dan Pusat.

**Keenam**, mengikuti perkembangan isu semasa yang berlaku sama ada di dalam atau di luar negara.

**Ketujuh**, memberikan fokus kepada kemenangan PAS dalam PRU ke 15 dengan memperkemas gerakerja pilihanraya dan menambahkan pendokong dan penyokong DHPP di semua peringkat.



## UCAPAN PENUTUP

Para tetamu dan para perwakilan sekalian,

26. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh kepimpinan DHPP Pusat dan DHPP negeri-negeri yang telah memberikan kerjasama kepada saya selama ini bagi menjayakan perjuangan DHPP yang kita dokong bersama.

27. Renungilah mutiara kata ini;

*"Hidup memerlukan pengorbananan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."*

28. Dalam berjuang, kita perlu berkorban dan adakalanya kita akan terkorban apabila berjuang tetapi apa yang penting adalah dipenghujungnya nanti kita mengharapkan agar kita akan mengecap kebahagiaannya. Inilah yang saya pelajari daripada kepimpinan PAS selama ini.

29. Justeru saya menyeru kepada semua pejuang dan penggerak DHPP agar kita memperbaharui dan perteguhkan tekad kita. Kita semarakkan semula slogan "PAS For All" dalam persada masyarakat Malaysia. Kita buktikan bahawa tema "Memimpin Perpaduan" bukan sekadar slogan tetapi ia akan kita sebatikan dalam diri kita untuk diterjemahkan dalam geraklaku kita selepas konvensyen ini.

*Orang darat suka bertandang,  
Sambil bertandang membawa cangkul,  
Berapa berat mata memandang,  
Berat lagi badan memikul.*

*Kalau roboh kota Melaka,  
Papan di Jawa saya dirikan,  
Kalau sungguh bagai dikata,  
Badan dan nyawa saya serahkan.*

Sekian, terima kasih dan salam sejahtera.

*Memimpin Perpaduan*

**Encik Balasubramaniam Nachiapan, JP**

Ketua

Dewan Himpunan Penyokong PAS Pusat

14 September 2018